

Mat gian keras kepala

Penagih masih degil melepaskan ketagihan walaupun port sering diserbu pihak berkuasa

RAWANG – Walaupun sering diserbu pihak berkuasa, namun mat gian yang sering menjadikan kawasan bersebelahan jalan pintas Kampung Sungai Samak sebagai port mereka masih tidak serik melakukan aktiviti penagihan mereka.

Lokasi bekas estet getah serta laluan kuari sebelah belakang sebuah pasaraya besar di situ, tetap dijadikan tempat strategik mereka untuk beroperasi biarpun pada siang hari.

Penagih dari kilang berhampiran

Dalam pada itu, Mohd Shafie berkata, antara masa paling digemari ramai penagih dadah berkenaan untuk melepaskan gian adalah sekitar waktu makan ten-

Tinjauan Sinar Harian bersama Jawatankuasa Penduduk (JKP), Majlis Perbandaran Selangor (MPS) Zon 19 ketika ke lokasi itu, turut mendapati kelibat beberapa lelaki melarikan diri ketika kenderaan kami menghampiri kawasan itu.


Timbalan Pengerusi JKP Zon 19, Mohd Shafie Taslim berkata, keadaan mat gian yang selalu melepaskan ketagihan di situ telah berlaku sejak setahun lalu, namun kegiatan berkenaan dibimbangi

akan berterusan.

“Mungkin agak kurang buat masa ini selepas banyak serbuan dan tangkapan dilakukan pihak polis. Bagaimanapun, JKP dan penduduk di sini akan tetap membantu pihak berkuasa sekiranya ia kembali serius.

“Kita kesal kebanyakan mereka yang datang melepaskan gian di sini pun bukan orang di sini, sebaliknya kebanyakan mereka orang luar seperti dari Serendah dan Bukit Beruntung,” katanya.

giatan mereka, kita pergi ke tempat mereka lepak itu dan boleh dilihat pelbagai peralatan dan bekas mencurigakan dipercayai digunakan untuk menagih,” katanya.



■ Salah satu port berteduh penagih.

Kes kecurian semakin meningkat

gahari.

Menurutnya, pihaknya percaya mereka yang datang menagih di kawasan itu adalah terdiri daripada pekerja kontrak dari kilang berhampiran yang banyak di kawasan Rawang.

kan rondaan di kawasan berkenaan.

“Apabila kita menghampiri mereka, kumpulan terabit kelihatan takut-takut dan terus kelim kabut melarikan diri.

“Untuk memastikan ke-

Ketika tinjauan di lokasi, turut dijumpai beberapa bekas dompet, beg, sudu, sarung plastik dan tiub ‘straw’, bekas rokok daun dan lilin di beberapa tempat strategik didirikan lokasi berteduh ditutup dengan zink atau plastik.

Sementara itu, Naib Pengerusi JKP Zon 19, Abdul Jalil Abdul Rashid, turut tidak menafikan kegiatan mat gian di situ dan berharap pihak berkuasa polis dengan kerjasama MPS dapat meneruskan pantauan.

“Sekitar dua bulan lalu, pihak penduduk Taman Tun Teja, Mawar dan Kanching beroperasi selama tiga hari untuk buat operasi pembersihan. Pada masa itu sahaja mereka memaklumkan sudah menangkap lebih 10 penagih dengan dadahnya sekali.

“Kita harap ia diteruskan kerana penduduk bimbang kejadian kecurian, kehilangan kereta dan motor berlaku

“Kita harap ia diteruskan kerana penduduk bimbang kejadian kecurian, kehilangan kereta dan motor berlaku akhir-akhir ini, mungkin kerja penagih itu”

■ **Abdul Jalil Abdul Rashid**

akhir-akhir ini, mungkin kerja penagih itu,” katanya.

Ketua Polis Daerah (IPD) Gombak, ACP Abdul Rahim Abdullah ketika memberi komen perkara itu berkata,

lokasi dimasukkan antara kawasan sering dipantau pihaknya.

Katanya, banyak tangkapan dan rampasan berkaitan dilakukan.

“Kadangkala kejadian (menagih dadah) berpunca daripada kawasan tempat tinggal seperti flat perumahan, budak melepak sehingga tiada tempat lain untuk melepaskan aktiviti riadah.

“Kita sentiasa berjumpa penduduk yang mengetengahkan perkara ini, terutama berkaitan penyalahgunaan dadah dan tindakan telah kita ambil terhadap penagih ini, termasuk dalam kes ini,” katanya.



■ Beberapa lelaki melarikan diri ketika tinjauan Sinar Harian bersama jawatankuasa JKP Zon 19.



■ Rangka motosikal yang dibakar, namun tinjauan baru-baru ini mendapati ia telah dialihkan.



■ Bekas plastik, tiub, daun tembakau yang mencurigakan.